

Tel. No. 088 - 222337/222336/  
222031/218201

Fax. No. 088 - 222557/215682



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH  
NEGERI SABAH**

Tingkat 3, 4 dan 5, Menara SDB  
Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens  
Km. 2,4, Jalan Tuaran  
88646 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Rujukan : JPBW: 100-4/1082 (1)

Tarikh : 17hb Mac 2020

Mayor

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

No. 1, Jalan Bandaran

**88675 KOTA KINABALU**

Presiden

Majlis Perbandaran Sandakan

Peti Surat No. 221

**90702 SANDAKAN**

Presiden

Majlis Perbandaran Tawau

Peti Surat no. 412

**91007 TAWAU**

Pesuruhjaya

Lembaga Bandaran Kudat

Peti Surat No. 201

**89058 KUDAT**

Semua Pengerusi

Majlis-Majlis Daerah

**NEGERI SABAH**

Semua Pegawai Eksekutif

Lembaga Bandaran Kudat dan

Majlis-Majlis Daerah

**NEGERI SABAH**

YBhg. Datuk-Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING NO.1/2020 MAJLIS PERANCANG NEGERI SABAH**

- A. PEMBATALAN GARIS PANDUAN LPPBD BIL. 2/2018: GARISPANDUAN PROSEDUR PERMOHONAN KELULUSAN PEMBANGUNAN INTERIM (INTERIM DEVELOPMENT APPROVAL (IDA) DI NEGERI SABAH, DIBAWAH SEKSYEN 15(2) OPBD (SABAH CAP 141). RUJ. JPBW. 99/63/JLD. 42/(73) BERTARIKH 1 MAC 2018**

.../2

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**

**B. PEMBATALAN KEPERLUAN BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) UNTUK MEMPEROLEHI KELULUSAN LEMBAGA PUSAT PERANCANG BANDAR DAN DESA DI BAWAH SEKSYEN 15(2) ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA SEBELUM MENGELUARKAN KELULUSAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN PEMBANGUNAN YANG TERLETAK DI DALAM SKIM YANG MASIH BERSTATUS DRAF ATAU DI DALAM MASA "PERIOD OF PROHIBITION" SKIM BERKENAAN, RUJ: JPBW.99/63.JLD.27/(99) BERTARIKH 22 SEPTEMBER, 2008**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sila maklum bahawa Majlis Perancang Negeri (MPN) di dalam mesyuaratnya pada 30hb Januari 2020 telah memutuskan untuk membatalkan pekeliling-pekeliling di atas.

3. Di dalam mesyuarat yang sama, Majlis Perancang Negeri juga telah memutuskan untuk memberi *Interim Development Control Powers (IDCP)* kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertimbangkan dan merumus keputusan ke atas Permohonan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 15(2) Ordinan Perancang Bandar dan Desa (Sabah Cap. 141) dengan syarat bahawa notis penyediaan Skim Draf di kawasan PBT terlibat telah diwartakan di bawah Seksyen 7(1) dan proses pendengaran bantahan awam di bawah Seksyen 7(4)(5)(6) telah terlaksana.

4. Dengan keputusan ini, PBT-PBT yang memenuhi syarat di atas dibolehkan untuk mempertimbangkan dan memutuskan sesuatu permohonan Kebenaran Merancang di dalam skim draf berkenaan tanpa merujuk terlebih dahulu kepada MPN. Hanya permohonan yang melibatkan pindaan ke atas Skim Draf atau "rezoning" yang diwajibkan untuk dikemukakan kepada MPN.

5. Sehubungan dengan keputusan ini, satu-satunya pihak berkuasa yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan di atas ialah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Oleh itu selaras dengan ketetapan di atas, Majlis Perancang Negeri memutuskan untuk memberikan *Interim Development Control Powers (IDCP)* kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu di bawah Seksyen 15(2) Ordinan Perancang Bandar dan Desa (Sabah Cap. 141) untuk mempertimbang dan merumus keputusan ke atas permohonan kelulusan Kebenaran Merancang di dalam jurisdiksinya tanpa merujuk kepada MPN. Dengan pemberian IDCP ini, Majlis Perancang Negeri juga telah meluluskan pemakaian kaedah Kelulusan Kebenaran Merancang Dalam Masa 24 Jam atau E-Planning Permission di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

6. Dengan pembatalan pekeliling di atas dan bagi PBT-PBT yang belum memenuhi syarat untuk memperolehi *Interim Development Control Powers*, proses pertimbangan dan kelulusan pelan pembangunan (atau Kebenaran Merancang) secara ringkasnya adalah seperti berikut:-

a) Pemohon kemukakan permohonan kelulusan Kebenaran Merancang Kepada PBT,

.../3

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**

Rujukan : JPBW: 100-4/1082 (1)  
Tarikh : 17hb Mac 2020


---

(3)

- b) PBT edarkan permohonan kepada agensi teknikal untuk pengesahan pematuhan syarat-syarat teknikal;
- c) PBT rumus syor ke atas permohonan dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa Perancang Bandar dan kemukakan permohonan kepada MPN;
- d) MPN pertimbang pemberian kebenaran di bawah Seksyen 15(2),
- e) Sekiranya kebenaran di bawah Seksyen 15(2) diberikan, PBT keluarkan kebenaran bersyarat kepada pemohon.

Sekian, terima kasih.

**\* BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH \***



**( BERNADETTE C EDMUND )**  
Setiausaha  
Majlis Perancang Negeri Sabah

*BCE/pf/dfm*

Sk. Yang Berhormat  
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan  
Merangkap Pengerusi Majlis Perancang Negeri  
Tingkat 18, Wisma Innoprise  
Jalan Sulaman, Teluk Likas  
**88817 KOTA KINABALU**

Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan Negeri  
Merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Perancang Negeri  
Tingkat 28, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan UMS, Teluk Likas  
**88400 KOTA KINABALU**

Semua Ahli  
Majlis Perancang Negeri  
SABAH

**JANGAN TERJERUMUS KE DALAM PERANGKAP DADAH**